

17 MAR 2001

PARTI KEADILAN BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Pemuda parti Keadilan Nasional hari ini membuat laporan polis berhubung kenyataan yang didakwa dibuat Perdana Menteri mengenai peranan Ketua Pemuda parti itu Mohamed Ezam Mohamed Noor berkaitan pergaduhan yang berlaku di Kampung Medan Jalan Klang Lama.

Laporan berkenaan dibuat di Balai Polis Dang Wangi kira-kira pukul 2.30 petang oleh Naib Ketua Pemuda Keadilan Low Chee Chong.

Low ketika diminta mengulas laporan yang dibuat itu berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad didakwa memberikan kenyataan yang tidak mempunyai bukti terhadap Mohamed Ezam yang disiarkan dalam sebuah akhbar berbahasa Cina semalam.

Dr Mahathir dikatakan mengaitkan pergaduhan yang berlaku di Kampung Medan dengan kenyataan Mohamed Ezam.

Sementara itu Ketua Daerah Polis Dang Wangi ACP Mohamed Bakri Zinin memberitahu pemberita selepas laporan itu dibuat bahawa polis akan membuat siasatan.

-- BERNAMA

SHI ZS RON